

13.11.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

PERINGATAN: DILARANG MEMANCING DI EMPANGAN DAN SALURAN AIR DI PULAU PINANG

- **PBAPP telah mengesan aktiviti memancing secara haram di Empangan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan (SPS) baru-baru ini.**
- **Aktiviti memancing adalah tidak dibenarkan di kawasan tadahan air (KTA) seluas 62.9 km² mengikut peruntukan Undang-Undang Negeri Pulau Pinang. KTA ini termasuk permukaan air empangan, terusan dan muka sauk.**

PULAU PINANG, Khamis, 13.11.2025: Anggota Polis Bantuan PBAPP akan menahan mana-mana individu yang memancing secara haram di mana-mana empangan air mentah di Pulau Pinang dan/atau menceroboh kawasan larangan di dalam atau berhampiran kemudahan bekalan air PBAPP.

Pada 11.11.2025, anggota PBAPP telah menemui bukti aktiviti memancing secara haram di Empangan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan (SPS). Setakat ini, tiada individu dikenal pasti atau ditahan.

Empangan Bukit Panchor merupakan empangan terkecil di Pulau Pinang. Empangan ini tidak dibuka kepada orang awam dan terletak di kawasan larangan. Air mentah dari empangan ini dilepaskan setiap hari untuk menghasilkan air terawat di Loji Rawatan Air Bukit Panchor yang berkapasiti 21 juta liter sehari (JLH) ini. Air terawat ini diagihkan ke kawasan kejuruan berhampiran di SPS.

Polis Bantuan PBAPP kini memperketat kawalan keselamatan di kawasan Bukit Panchor. Langkah-langkah tambahan termasuk meningkatkan pemantauan dan rondaan di dalam serta di sekitar kemudahan bekalan air PBAPP tersebut. Sesiapa yang ditangkap memancing secara haram atau menceroboh kawasan larangan akan diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Kawasan Tadahan Air Pulau Pinang Adalah “Kawasan Dilindungi”

Perintah Pembekalan Air (Kawasan Tadahan Air) 2009, di bawah Enakmen Pembekalan Air Pulau Pinang 2004, mengehadkan aktiviti rekreasi mesra alam kepada kawasan di hilir (*downstream*) daripada lokasi muka sauk air mentah di kawasan tadahan air (KTA) Pulau Pinang.

KTA termasuk permukaan air empangan yang berfungsi “menakung air hujan” untuk tujuan penyimpanan. Oleh itu, aktiviti memancing hanya dibenarkan di kawasan “bawah” atau “selepas” empangan.

Rasional Utama Larangan Aktiviti Memancing diperkenalkan bagi meminimumkan risiko pencemaran dan/atau kontaminasi air empangan. Langkah melindungi KTA dan kawasan empangan ini penting bagi memastikan bekalan air mentah sentiasa baik dan selamat.

Selain itu, undang-undang negeri ini turut menyokong aspek keselamatan awam. Air di empangan biasanya berkedalaman tinggi bagi memaksimumkan kapasiti simpanan air mentah. Sebagai contoh, kedalaman maksimum Empangan Teluk Bahang ialah 48 meter (157.5 kaki) manakala Empangan Bukit Panchor mempunyai kedalaman maksimum 7.32 meter (24 kaki).

Oleh yang demikian, aktiviti memancing atau menangkap ikan adalah dilarang sama sekali di mana-mana empangan yang dikendalikan oleh PBAPP tanpa kebenaran rasmi daripada Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Sila laporkan sebarang aktiviti mencurigakan di empangan

Kawasan rekreasi hijau di dalam kawasan Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Empangan Mengkuang Diperberbesarkan dibuka kepada orang awam setiap hari. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) PBAPP, yang memberi manfaat kepada ribuan pengunjung setiap hari.

PBAPP memohon kerjasama semua pengunjung empangan untuk melaporkan sebarang aktiviti luar biasa di kawasan empangan, termasuk aktiviti seperti memancing, berenang, mandi, merendam kaki, atau sebarang bentuk pencerobohan berbahaya di dalam atau berhampiran permukaan air empangan.

Sekiranya boleh, gunakan telefon bimbit untuk merakam gambar atau video sekiranya anda ternampak sebarang aktiviti mencurigakan di kawasan empangan. Sila kongsikan gambar atau video tersebut kepada anggota Polis Bantuan PBAPP di pondok keselamatan terdekat.

PBAPP juga menyeru semua pengunjung supaya menggunakan “kawasan empangan terbuka” dengan penuh tanggungjawab bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini atau kemalangan. Pada masa yang sama, orang awam disaran membantu PBAPP mengekalkan perkhidmatan bekalan air bersih di Pulau Pinang, 24 jam sehari dan 7 hari seminggu.

Marilah kita bersama-sama memastikan empangan di Pulau Pinang kekal berfungsi, terbuka dan selamat.

Terima kasih

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my